

11 AUG 1998

Mahathir-Hubungan

PIHAK LUAR CUBA TEKAN EKONOMI DENGAN PECAH BELAH HUBUNGAN KAUM

PULAU PINANG, 11 Ogos (Bernama) -- Selepas menyerang mata wang ringgit dan pasaran saham negara ini, pihak luar kini menggunakan isu perkauman dan perpaduan untuk menekan ekonomi Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata, mereka kini cuba melaga-lagakan masyarakat majmuk di negara ini dengan harapan kestabilan negara terjejas.

Seterusnya mereka berharap dengan usaha itu, pelabur tidak akan melabur di sini hingga ekonomi negara terjejas, katanya di Perhimpunan Bersama Rakyat di Pusat Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) di sini.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat bersatu padu untuk memastikan usaha kerajaan memulihkan ekonomi dan meneruskan pencapaian matlamat Wawasan 2020 terlaksana.

"Kerjasama dan persefahaman berterusan di antara pelbagai kaum dapat membantu memulihkan ekonomi," katanya.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata, mereka cuba melaga-lagakan masyarakat Hindu dan Islam dan antara Cina dan Melayu dengan menggunakan pelbagai cara, terutama melalui Internet yang disifatkannya sebagai "surat layang moden."

Contoh terbaru ialah menyebarkan khabar-khabar angin kononnya berlaku rusuhan di beberapa kawasan di ibu negara, termasuk di Chow Kit, katanya.

Selama ini, beliau berkata, Malaysia telah membuktikan ia mampu membangunkan negaranya sendiri tanpa bantuan dan nasihat luar, sekiranya tidak diganggu oleh faktor luaran.

Perdana Menteri berkata sejak mencapai kemerdekaan 41 tahun dahulu, rakyat Malaysia membangunkan negara ini dengan tenaga dan wang sendiri.

"Kalaupun khidmat kepakaran dan teknologi luar digunakan, kita bayar dengan wang kita sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata, kejatuhan ekonomi negara tiada kaitan dengan unsur-unsur rasuah, nepotisme dan kronisme seperti yang didakwa sesetengah pihak luar.

Sejak 41 tahun negara merdeka, pertumbuhan ekonomi berjalan rancak malahan melebihi ramalan tujuh peratus setahun yang dibuat oleh pakar.

Negara ini boleh setanding dengan negara maju yang lain dan sekaligus mencapai matlamat Wawasan 2020 untuk menjadi negara maju sekiranya kadar pertumbuhan itu dapat dikekalkan dalam tempoh 23 tahun akan datang, katanya.

Sehubungan itu beliau meminta rakyat bekerjasama dan menyokong segala usaha kerajaan memulihkan ekonomi bagi menjimatkan perbelanjaan negara.

Menurut beliau, antara langkah itu ialah menggunakan mata wang sendiri dalam urusan perniagaan dengan negara asing, menggalakkan pembelian barangan tempatan, meneruskan kegiatan membeli barang-barang keluaran tempatan, bercucuk tanam dan menternak ikan bagi keperluan harian.

"Saya yakin kita dapat atasi masalah ini (kegawatan ekonomi) tetapi ianya memerlukan kefahaman rakyat," katanya.

Lebih 10,000 orang menghadiri majlis perhimpunan itu yang merupakan jumlah terbesar dalam siri penerangan mengenai kegawatan ekonomi oleh Perdana Menteri di seluruh negara.

Pulau Pinang merupakan antara beberapa destinasi dalam siri lawatan kerjanya selepas Kedah, Johor, Negeri Sembilan dan Perak.

Perdana Menteri yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di PISA pada lebih kurang pukul 9 malam.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri serta Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan isteri.

Antara pemimpin pusat dan negeri yang hadir ialah Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Kadir Sheikh Fadzir dan Timbalan Menteri Tanah dan Koperasi Dr Goh Cheng Teik.

Perdana Menteri pulang ke Kuala Lumpur pada kira-kira pukul 10.30 malam ini.

-- BERNAMA

ZU TEAM PR